سُورَةُ يسٓ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha
Penyayang

Yaa, Siin. Demi al-Quran yang mengandungi hikmat - hikmat. Sesungguh-nya engkau (wahai Muhammad adalah seorang rasul)

dari rasul-rasul yang telah diutus, di atas jalan yang lurus (agama Islam).

تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٥﴾ لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ

Al-Quran itu, diturunkan oleh Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani. Supaya engkau memberi peringatan kepada kaum

أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمۡ فَهُمۡ غَٰفِلُونَ ﴿٦﴾ لَقَدۡ حَقَّ

yang datuk nenek mereka telah lama tidak diberikan peringatan: sebab itulah mereka lalai. Demi sesungguhnya,

telah tetap hukuman seksa atas kebanyakan mereka, kerana mereka tidak mahu beriman.

إِنَّا جَعَلْنَا فِىٓ أَعْنَٰقِهِمْ أَغْلَٰلًا فَهِىَ إِلَى

Sesungguhnya Kami jadikan di batang leher mereka belenggu yang mem-berkas kedua tangan mereka sampai

ٱلْأَذْقَانِ فَهُم مُّقْمَحُونَ ٨ وَجَعَلْنَا مِنۢ

ke dagu mereka lalu jadilah mereka terdongak. Dan Kami jadikan

بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا

sekatan di hadapan mereka, dan sekatan di belakang mereka (pada hari kiamat),

فَأَغْشَيْنَٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ٩ وَسَوَآءٌ

lalu Kami tutup pandangan mereka hingga mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar). Dan (dengan sebab itu) sama sahaja

عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

kepada mereka, engkau beri amaran atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman.

﴿١٠﴾ إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكْرَ وَخَشِيَ

Sesungguhnya peringatan dan amaran (yang berkesan) hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang sedia menurut ajaran al-Quran serta dia takut

ٱلرَّحْمَٰنَ بِٱلْغَيْبِ ۖ فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ

kepada Tuhan Yang Maha Pemurah semasa dia tidak dilihat orang dan belum melihat azab Tuhan. Oleh itu, berilah kepadanya berita yang menggembirakan dengan keampunan dan pahala

yang mulia. Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang mati,

وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا۟ وَءَاثَٰرَهُمْ ۚ وَكُلَّ شَىْءٍ

dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan yang mereka tinggalkan, dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu

أَحْصَيْنَٰهُ فِىٓ إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾ وَٱضْرِبْ لَهُم

kami catitkan satu persatu dalam Kitab (Ibu Suratan) yang jelas nyata. Dan ceritakan kepada mereka

مَّثَلًا أَصْحَٰبَ ٱلْقَرْيَةِ إِذْ جَآءَهَا ٱلْمُرْسَلُونَ

satu contoh mengenai kisah penduduk sebuah bandar, iaitu ketika mereka didatangi rasul-rasul (Kami).

Ketika Kami mengutuskan kepada mereka dua orang rasul lalu mereka mendustakannya, kemudian Kami kuatkan

بِثَالِثٍ فَقَالُوٓا۟ إِنَّآ إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾ قَالُوا۟

dengan rasul yang ketiga, lalu rasul-rasul itu berkata: “Sesungguhnya Kami ini adalah diutuskan kepada Kamu”. Mereka menjawab:

مَآ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحْمَٰنُ مِن

“Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan Yang Maha Pemurah tidak menurunkan

شَىْءٍ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾ قَالُوا۟ رَبُّنَا يَعْلَمُ

sesuatu pun. Kamu ini tidak lain hanyalah berdusta”. Rasul-rasul berkata: “Tuhan Kami mengetahui

إِنَّآ إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ ﴿١٦﴾ وَمَا عَلَيْنَآ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ

bahawa kami adalah rasul-rasul yang diutus kepada kamu, dan tugas Kami hanyalah menyampaikan perintah-perintah-Nya

ٱلْمُبِينُ ﴿١٧﴾ قَالُوٓا۟ إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ ۖ لَئِن

dengan cara jelas dan nyata”. Mereka berkata pula: “Sesungguhnya kami berasa nahas dan malang dengan sebab kamu.

لَّمْ تَنتَهُوا۟ لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ

Kalau kamu tidak berhenti tentulah kami akan merejam kamu dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab seksa

yang tidak terperi". Rasul-rasul itu menjawab: "Nahas dan malang kamu itu disebabkan (kekufuran) yang ada pada kamu. Patutkah kerana kamu diberi peringatan

(maka kamu mengancam kami)? Bahkan kamu adalah kaum pelampau". Dan, datanglah seorang lelaki dari hujung

ٱلْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَىٰ قَالَ يَـٰقَوْمِ ٱتَّبِعُوا۟

bandar itu dengan berlari, lalu memberi nasihat dengan katanya: Wahai kaumku! Turutlah

ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾ ٱتَّبِعُوا۟ مَن لَّا يَسْـَٔلُكُمْ

Rasul-rasul itu. Turutlah orang-orang yang tidak meminta kepada kamu

أَجْرًا وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٢١﴾ وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ

sesuatu balasan, sedang mereka mendapat hidayah petunjuk. Dan mengapa aku tidak menyembah Tuhan

ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾ ءَأَتَّخِذُ مِن

yang menciptakan daku, kepada-Nyalah kamu akan dikembalikan? Patutkah

دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ ٱلرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ لَّا

aku menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah? Jika Allah Yang Maha Pemurah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya mereka tidak

تُغْنِ عَنِّى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا يُنقِذُونِ

dapat memberikan sebarang syafaat kepadaku, dan mereka juga tidak dapat menyelamatkan daku.

﴿٢٣﴾ إِنِّىٓ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾ إِنِّىٓ

"Sesungguhnya aku (kalau melakukan syirik) tentulah aku berada dalam kesesatan yang nyata. Sesungguhnya

ءَامَنتُ بِرَبِّكُمْ فَٱسْمَعُونِ ﴿٢٥﴾ قِيلَ ٱدْخُلِ

aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku) (Setelah dia mati) lalu dikatakan kepadanya: "Masuklah ke dalam

ٱلْجَنَّةَ ۖ قَالَ يَٰلَيْتَ قَوْمِى يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾ بِمَا

syurga". Dia berkata: "Alangkah baiknya kalau kaumku mengetahui. Tentang

perkara yang menyebabkan aku diampunkan oleh Tuhanku, serta dijadikan-
nya aku dari orang-orang yang dimuliakan.

۞ وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِن جُندٖ

Dan Kami tidak menurunkan kepada kaumnya sesudah dia (mati) sebarang
pasukan tentera

مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا كُنَّا مُنزِلِينَ ٢٨ إِن كَانَتۡ

dari langit, dan tidak perlu Kami menurunkannya. (Kebinasaan mereka)

إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ فَإِذَا هُمۡ خَٰمِدُونَ ٢٩

hanyalah dilakukan dengan satu pekikan (yang dahsyat), maka dengan
serta merta mereka semua sunyi sepi tidak hidup lagi.

يَٰحَسۡرَةً عَلَى ٱلۡعِبَادِۚ مَا يَأۡتِيهِم مِّن رَّسُولٍ

Sungguh besar perasaan sesal dan kecewa yang menimpa hamba-hamba!
Tidak datang kepada mereka seorang rasul

melainkan mereka memperolok-olokkannya. Tidakkah mereka tahu berapa

أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ ٱلْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ

banyak yang telah Kami binasakan sebelum mereka dari umat-umat?

لَا يَرْجِعُونَ ﴿٣١﴾ وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا

Umat-umat yang telah binasa itu tidak kembali lagi kepada mereka. Dan tidak ada satu makhluk pun melainkan dihimpunkan

ke tempat perbicaraan Kami, semuanya dibawa hadir. Dan dalil yang terang untuk mereka ialah bumi yang mati

أَحْيَيْنَٰهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ

kami hidupkan ia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian itu mereka makan.

Dan kami jadikan bumi itu kebun-kebun

kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa mata air.

لِيَأْكُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۖ

Supaya mereka makan dari buah-buahnya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka,

أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾ سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى

maka patutkah mereka tidak bersyukur? Maha Suci Tuhan yang telah

خَلَقَ ٱلْأَزْوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ

menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi,

وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak tahu.

وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ ٱلنَّهَارَ فَإِذَا

Dan lagi dalil untuk mereka (berfikir) ialah malam, Kami hilangkan siang daripadanya, maka

هُم مُّظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾ وَٱلشَّمْسُ تَجْرِى

dengan serta merta mereka berada dalam gelap gelita. Dan matahari, ia kelihatan

لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ

beredar ke tempat yang ditetapkan baginya, itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui.

٣٨ وَٱلْقَمَرَ قَدَّرْنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ

Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga kembalinya

pula ke peringkat awalnya (berbentuk) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah

لَهَآ أَن تُدْرِكَ ٱلْقَمَرَ وَلَا ٱلَّيْلُ سَابِقُ ٱلنَّهَارِ ۚ

baginya mengejar bulan dan malam pula tidak dapat mendahului siang,

وَكُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ٤٠ وَءَايَةٌ لَّهُمْ

kerana tiap-tiap satunya di tempat edarannya terapung-apung beredar. Dan satu dalil lagi untuk mereka ialah,

Kami membawa belayar jenis keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat.

وَخَلَقْنَا لَهُم مِّن مِّثْلِهِۦ مَا يَرْكَبُونَ ﴿٤٢﴾ وَإِن

Dan Kami ciptakan untuk mereka, jenis-jenis kenderaan yang sama dengannya, yang mereka dapat mengenderainya. Dan jika

نَّشَأْ نُغْرِقْهُمْ فَلَا صَرِيخَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنقَذُونَ

kami kehendaki, kami boleh tenggelamkan mereka, maka tidak ada yang dapat menolong mereka, dan mereka juga tidak dapat diselamatkan.

﴿٤٣﴾ إِلَّا رَحْمَةً مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٤٤﴾ وَإِذَا

Kecuali Kami memberi rahmat dan kesenangan hidup mereka hingga ke suatu masa. Dan apabila

قِيلَ لَهُمُ ٱتَّقُوا۟ مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَمَا خَلْفَكُمْ

dikatakan kepada mereka: “Berjaga-jagalah kamu akan apa yang ada di hadapan kamu (dari urusan-urusan hidup di dunia ini), dan apa yang ada di belakang kamu

لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٤٥﴾ وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ مِّنْ

(dari huru hara dan balasan akhirat), supaya kamu beroleh rahmat”. Dan tidak ada yang sampai kepada mereka berupa sesuatu keterangan dari

keterangan-keterangan Tuhan mereka melainkan mereka berpaling daripadanya.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنفِقُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ

Dan apabila dikatakan kepada mereka:"Dermakanlah sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu", berkata orang-orang yang

كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ

kafir itu kepada orang-orang yang beriman (secara mengejek-ejek):"Patutkah kami memberi makan kepada orang yang

ٱللَّهُ أَطْعَمَهُۥٓ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ

jika Allah kehendaki tentulah Ia akan memberinya makan? Kamu ini hanyalah berada dalam kesesatan yang nyata".

﴿٤٧﴾ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ

Dan mereka bertanya: "Bilakah datangnya (hari akhirat) yang dijanjikan itu? Jika betul kamu

صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾ مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً

orang-orang yang benar". Mereka tidak menunggu melainkan satu pekikan

yang akan membinasakan mereka semasa mereka dalam keadaan leka bertengkar. Maka dengan itu, mereka tidak

يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَآ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ

berpeluang membuat sebarang pesanan, dan mereka tidak sempat kembali kepada keluarga mereka.

Dan sudah tentu akan ditiupkan sangkakala maka semuanya dari kubur masing-masing segera bangkit

keluar (untuk) mengadap Tuhannya. (Pada ketika itu) orang-orang yang tidak percayakan hidup semula berkata: “Aduhai celakanya kami! Siapakah

بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۜ هَٰذَا مَا وَعَدَ ٱلرَّحْمَٰنُ

yang membangkitkan kami dari kubur tempat tidur kami?” (Lalu dikatakan kepada mereka): “Inilah ia yang telah dijanjikan oleh Allah Yang Maha Pemurah

وَصَدَقَ ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾ إِن كَانَتْ

dan benarlah berita yang disampaikan oleh rasul-rasul!”, Hanyalah

إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا

dengan berlakunya satu pekikan sahaja, maka dengan serta merta mereka dihimpunkan ke tempat perbicaraan

مُحۡضَرُونَ ﴿٥٣﴾ فَٱلۡيَوۡمَ لَا تُظۡلَمُ نَفۡسٞ شَيۡـٔٗا

kami semuanya dibawa hadir. Maka pada hari itu, tidak ada seseorang yang akan dianiaya sedikitpun,

dan kamu pula tidak akan dibalas melainkan menurut amal yang kamu telah kerjakan.

إِنَّ أَصۡحَٰبَ ٱلۡجَنَّةِ ٱلۡيَوۡمَ فِي شُغُلٖ فَٰكِهُونَ

Sesungguhnya penduduk syurga pada hari itu, berada dalam kesibukan menikmati kesenangan.

﴿٥٥﴾ هُمۡ وَأَزۡوَٰجُهُمۡ فِي ظِلَٰلٍ عَلَى ٱلۡأَرَآئِكِ

Mereka dengan pasangan-pasangan mereka bersukaria di tempat yang teduh, sambil duduk berbaring

مُتَّكِـُٔونَ ﴿٥٦﴾ لَهُمۡ فِيهَا فَٰكِهَةٞ وَلَهُم مَّا

di atas pelamin. Mereka beroleh dalam syurga itu pelbagai jenis buah-buahan, dan mereka beroleh apa sahaja yang

يَدَّعُونَ ﴿٥٧﴾ سَلَٰمٞ قَوۡلٗا مِّن رَّبّٖ رَّحِيمٖ ﴿٥٨﴾

mereka kehendaki. Salam sejahtera, ucapan dari Tuhan Yang Maha Mengasihani.

Dan (sebaliknya dikatakan kepada orang-orang yang kafir):"Berpisahlah kamu pada hari ini, wahai orang-orang yang berdosa. "Bukankah

Aku telah perintahkan kepada Kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah

syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu! "Dan hendaklah

kamu menyembah-Ku, inilah jalan yang lurus.

وَلَقَدۡ أَضَلَّ مِنكُمۡ جِبِلّٗا كَثِيرًاۖ أَفَلَمۡ تَكُونُواْ

"Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan antara kamu golongan yang ramai, maka tidakkah sepatutnya

kamu berfikir dan insaf? "Inilah Neraka Jahanam, yang kamu

تُوعَدُونَ ﴿٦٣﴾ ٱصْلَوْهَا ٱلْيَوْمَ بِمَا كُنتُمْ

selalu diancam dengan dimasukkan ke dalamnya. “Rasalah kamu bakaran-nya hari ini,

disebabkan perbuatan kufur yang kamu telah lakukan!” Pada waktu itu Kami tutupkan mulut mereka,

وَتُكَلِّمُنَآ أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُم بِمَا

dan akan memberitahu Kami oleh tangan-tangan mereka, dan kami pula menjadi saksi tentang apa

كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾ وَلَوْ نَشَآءُ لَطَمَسْنَا

yang mereka telah usahakan. Dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa menghapuskan

عَلَىٰٓ أَعْيُنِهِمْ فَٱسْتَبَقُوا۟ ٱلصِّرَٰطَ فَأَنَّىٰ

mata mereka, lalu mereka berlumba-lumba mencari-cari jalan. Maka

يُبْصِرُونَ ﴿٦٦﴾ وَلَوْ نَشَآءُ لَمَسَخْنَٰهُمْ

bagaimanakah mereka mendapat melihatnya? Dan kalau kami kehendaki, Kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku)

عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ مُضِيًّا

di tempat yang mereka berada padanya, maka dengan itu, mereka tidak dapat mara ke hadapan

وَلَا يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾ وَمَن نُّعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ

dan juga tidak dapat undur ke belakang. Dan sesiapa yang Kami panjangkan umurnya,

فِى ٱلْخَلْقِ ۖ أَفَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٦٨﴾ وَمَا عَلَّمْنَٰهُ

Kami balikkan kembali kejadiannya (kepada keadaan serba lemah) maka mengapa mereka tidak mahu memikirkannya? Dan kami tidak mengajarkan

ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ

syair kepadanya (Muhammad), dan kepandaian bersyair itu tidak sesuai baginya. Adapun yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain melainkan nasihat pengajaran

وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾ لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا

dan Kitab Suci yang memberi penerangan. Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang sedia hidup (hatinya),

وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾ أَوَلَمْ

dan supaya nyata tetapnya hukuman (azab) terhadap orang-orang yang kufur ingkar. Tidakkah

يَرَوْا۟ أَنَّا خَلَقْنَا لَهُم مِّمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَآ

mereka melihat dan memikirkannya, bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka

أَنْعَـٰمًا فَهُمْ لَهَا مَـٰلِكُونَ ﴿٧١﴾ وَذَلَّلْنَـٰهَا

binatang-binatang ternak, antara jenis-jenis makhluk yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami lalu mereka memiliknya? Dan Kami jinakkan ia

لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ ﴿٧٢﴾ وَلَهُمْ

untuk kegunaan mereka, maka sebahagiannya menjadi kenderaan mereka, dan sebahagian lagi mereka makan. Dan mereka

فِيهَا مَنَـٰفِعُ وَمَشَارِبُ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ

beroleh pada binatang ternak itu berbagai faedah dan kegunaan dan juga beroleh minuman, maka mengapa mereka tidak mahu bersyukur.

﴿٧٣﴾ وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لَّعَلَّهُمْ

Dan tergamak mereka menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah, (dengan harapan) semoga mereka mendapat

pertolongan. Benda-benda yang mereka sembah itu tidak dapat sama sekali menolong mereka,

وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾ فَلَا يَحْزُنكَ

sedang benda-benda itu sendiri menjadi tentera yang akan dibawa hadir kepada mereka. Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) berdukacita

قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ

disebabkan tuduhan-tuduhan mereka (terhadapmu). Sesungguhnya Kami sedia mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan.

﴿٧٦﴾ أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن

Tidakkah manusia itu melihat bahawa Kami telah menciptakan dia dari

نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ﴿٧٧﴾ وَضَرَبَ

(setitis) air benih? Dalam pada itu maka dengan tidak semena-mena dia menjadi seorang pembantah yang terang jelas bantahannya. Serta dia mengemukakan

لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْيِ ٱلْعِظَٰمَ

satu misal perbandingan kepada Kami (tentang kekuasaan Kami) dan dia juga lupakan keadaan Kami menciptakannya sambil dia bertanya: “Siapa-kah yang dapat menghidupkan tulang-tulang

yang telah hancur seperti luluh? “Katakanlah:“Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya

أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾ ٱلَّذِى

pada awal mula wujudnya, dan Dia (Allah) Maha Mengetahui segala keadaan makhluk-makhluk. “Tuhan yang telah

جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَآ

menjadikan dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, akan api maka kamu pun selalu menyalakan api

أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ ﴿٨٠﴾ أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى

dari pohon-pohon itu”. Tidakkah Tuhan yang telah

خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَـٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن

menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) berkuasa menciptakan semula

يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّـٰقُ ٱلْعَلِيمُ

manusia sebagaimana Dia (Allah) menciptakan mereka dahulu? Bukan, dan Dialah Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui.

﴿٨١﴾ إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ

Sesungguhnya urusan-Nya apabila Dia (Allah) menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia (Allah) berfirman kepada (hakikat) benda itu:

لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾ فَسُبۡحَٰنَ ٱلَّذِى

"Jadilah engkau!". Maka ia terus menjadi. Maka Maha Suci Tuhan

بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىۡءٍ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٨٣﴾

yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu, dan kepada-Nyalah Kamu semua dikembalikan.

صَدَقَ اللّٰهُ الْعَظِيْمُ